☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 12/4/2012
Hari: KHAMIS M/S: 7
Ruangan: VARSITI

UUM terima kunjungan Universitas Negeri Medan

Oleh Samsudin Oli Mohamed
bhvarsiti@bharian.com.my

MAHASISWA menjadi kumpulan sasaran universiti dalam pelaksanaan agenda pengantarabangsaan dan ia mampu dicapai menerusi program pertukaran pelajar serta lawatan sambil belajar ke luar negara.

Setiap universiti wajar mengamalkan agenda berkenaan dalam konteks meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi untuk lebih bersaing dalam mendapatkan peluang pekerjaan.

Hakikat itu diakui delegasi Universitas Negeri Medan, Indonesia yang menganjurkan lawatan ke Universiti Utara Malaysia (UUM) selama lima hari, baru-baru ini.

Lawatan delegasi 31 mahasiswa

Mahasiswa Universitas Negeri Medan melihat artifak yang dipamerkan dalam Galeri UUM.

dan mahasiswa wajar memanfaatkan agar menjadi lebih yakin, minda lebih kreatif dan inovatif, mempunyai kemahiran sosial yang tinggi serta penguasaan bahasa Inggeris yang lebih baik," katanya.

Sepanjang lawatan, delegasi turut mengadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa, Dewan Penginapan Pelajar, Yayasan al-Bukhary, meninjau Galeri UUM, kemudahan